




INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN (IHPRP) ST2 2025


IHPRP meningkat 1.0% pada ST2 2025



Sumber: Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (2010=100), Suku Tahun Kedua 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: YoY = Tahun ke Tahun
QoQ = Suku Tahun ke Suku Tahun

Data Siri Masa IHPRP



Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan Malaysia meningkat 1.0 peratus pada Suku Tahun Kedua 2025

- IHPRP mencatatkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 1.0 peratus pada suku kedua 2025, berbanding peningkatan 0.6 peratus pada suku tahun sebelumnya.
- Indeks Kesenian, hiburan & rekreasi meningkat 4.5 peratus peningkatan sederhana berbanding peningkatan 6.6 peratus pada suku tahun sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan oleh Aktiviti hiburan & rekreasi lain (1.9%). Indeks Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman juga meneruskan trend peningkatannya, meningkat 3.6 peratus, sama seperti suku tahun pertama 2025. Peningkatan ini disokong oleh peningkatan dalam indeks Restoran dan aktiviti perkhidmatan makanan bergerak (4.2%) dan Aktiviti perkhidmatan minuman (2.7%). Indeks lain yang mencatatkan peningkatan adalah Pendidikan (1.3%), Kesihatan (0.6%) dan Profesional (0.5%).
- Sebaliknya, indeks Pengangkutan merekodkan penurunan 0.8 peratus, penyusutan yang lebih kecil berbanding penurunan 3.1 peratus pada suku tahun sebelumnya. Penurunan ini terutamanya disebabkan oleh penurunan dalam indeks Pengangkutan penumpang udara (-4.8%). Indeks Aktiviti hartanah turut mencatatkan penurunan perlahan 0.1 peratus, selepas mencatatkan peningkatan 0.1 peratus pada bulan sebelumnya dipengaruhi oleh indeks Aktiviti hartanah atas dasar bayaran kontrak (-0.1%). Sementara itu, indeks Maklumat & komunikasi kekal tidak berubah.
- Pada asas suku tahunan, IHPRP mencatatkan peningkatan sebanyak 0.3 peratus, mengekalkan kadar yang sama seperti pada suku tahun sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh indeks Kesenian, hiburan & rekreasi (2.0%) dan indeks Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman (0.6%). Sementara itu, indeks Pengangkutan dan Pendidikan masing-masing mencatatkan peningkatan 0.3 peratus. Indeks lain yang turut menyumbang kepada peningkatan sederhana secara keseluruhan adalah Kesihatan (0.2%) dan Profesional (0.1%). Namun begitu, indeks Maklumat & komunikasi dan Aktiviti hartanah kekal tidak berubah pada suku tahun ini.

